

U 8007 AAV  
MAHATHIR - EKONOMI

KUALA LUMPUR, 28 OKT (BERNAMA) -- BUMIPUTERA TIDAK AKAN MENDAPAT FAEDAH SEPENUHNYA SEMATA-MATA DENGAN MELANJUTKAN DASAR EKONOMI BARU (DEB) SELEPAS TAHUN 1990 SEKIRANYA KECEKAPAN, PENGURUSAN DI KALANGAN MEREKA TIDAK DIPERTINGKATKAN, KATA PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

BELIAU BERKATA KECEKAPAN PENGURUSAN MERUPAKAN PERKARA YANG ANAT PENTING DAN INI SUKAR TERDAPAT DI KALANGAN BUMIPUTERA.

BERUCAP MERASHIKAN PERHIMPUNAN AGUNG UMNO DI PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA DI SINI, DATUK SERI DR MAHATHIR YANG JUGA PRESIDEN UMNO BERKATA DEB AKAN DIULANGKAJI PADA TAHUN 1990 KERANA MATLAMAT KAUM BUMIPUTERA BELUM DICAPAI SEPENUHNYA.

KATANYA, KELEMAHAN-KELEMAHAN DEB TELAH DAPAT DIKENALPASTI DI MANA PEMBERIAN PELUANG, KEMUDAHAN, MODAL DAN TENAGA OLEH KERAJAAN TIDAK MENCUKUPI UNTUK MENJAYAKAN PERNIAGAAN DAN PERUSAHAAN YANG DIBERI MILIK KEPADA BUMIPUTERA, SAMA ADA SECARA LANGSUNG ATAU MELALUI BADAN-BADAN KEPENTINGAN BUMIPUTERA.

UNTUK MENJAYAKAN USAHA MENGIMBANGKAN BUMIPUTERA DENGAN BUKAN BUMIPUTERA, PENGETAHUAN DAN PENGALAMAN BUMIPUTERA MESTI DIPERTINGKATKAN MELALUI PELBAGAI CARA, TERUTAMA SEKALI DENGAN MENJADI +APPRENTICE+ KEPADA ORANG YANG CEKAP DALAM BIDANG PENGURUSAN. - LAGI.

1216MST 28 10 88

U 8010 AAB

MAHATHIR - EKONOMI 2 KUALA LUMPUR

DALAM HAL INI, KAUM LAIN DAN RAKYAT ASING DIKEHENDAKI MEMAINKAN PERANAN PENTING KERANA LEBIH CEPAT MEREKA MEMOLONG BUMIPUTERA MEMPEROLEHI KECEKAPAN YANG DIPERLUKAN, LEBIH CEPAT PENGIMBANGAN ANTARA BUMIPUTERA DAN BUKAN BUMIPUTERA DAPAT DICAPAI.

+SELASI BUMIPUTERA TIDAK DIBERI PERTOLONGAN DALAM BIDANG PENGURUSAN SEHINGGA MEREKA MAMPU BERSAING, SELASI ITULAH PENCAPAIAN DEB TIDAK AKAN MEMUASKAN,+ TAMBAH BELIAU.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BUMIPUTERA PULA TIDAK BOLEH MENUNGGU SAHAJA TETAPI MESTI BERUSAHA MEMBETULKAN KESALAHAN DAN KELEMAHAN DIRI MEREKA.

BELIAU JUGA BERKATA KERAJAAN AKAN MEMBERI SALAKAN KEPADA USAHASAMA BUMIPUTERA DENGAN BUKAN BUMIPUTERA ASALKAN BUMIPUTERA MEMAINKAN PERANAN YANG BERMAKNA DALAM PENGURUSAN.

MALAU PUN TERDAPAT SYARIKAT BERKEBOLEHAN YANG 100 PERATUS BUMIPUTERA, BILANGANNYA TIDAK BANYAK DAN MEREKA MUNGKIN TIDAK BERUPAYA DENGAN SENDIRI MENGAMBILALIH BAHAGIAN 30 PERATUS SAHAM SYARIKAT YANG DITENTUKAN UNTUK BUMIPUTERA DI BAWAH DEB, KATANYA. -- LAGI.

1233MST 28 10 88

U 8013 AAB  
MAHATHIR - EKONOMI 3 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI MEMBERITAHU PERHIMPUNAN ITU YANG DIHADIRI OLEH KIRA-KIRA 4,000 ORANG MAKIL DAN PEMERHATI BAHANA MEMBERIKAN SESUATU PROJEK KEPADA SESUATU SYARIKAT YANG 100 PERATUS DIMILIKI OLEH BUMIPUTERA HANYA KERANA IANYA 100 PERATUS BUMIPUTERA, SEDANGKAN IA TIDAK BERUPAYA MENGURUSKAN PROJEK ITU, ADALAH PERBUATAN YANG MENGKHIANATI NATLAMAT UNTUK MEMOLONG BUMIPUTERA.

BELIAU BERKATA BERTAMBAHNYA BILANGAN BUMIPUTERA YANG SEKARANG +DISERANG+ OLEH BANK DAN MENJADI MUFLIS BERPUNCA DARIPADA PERCUBAAN MEREKA MELAKSANAKAN BILANGAN PROJEK YANG LEBIH DARIPADA KEMAMPUAN, KURANG KECEKAPAN PENGURUSAN DAN TIDAK BERUPAYA MENSATASI KEMELESETAN EKONOMI.

OLEH ITU, KERAJAAN AKAN MEMELITI KEMAMPUAN MEREKA SECARA MENDALAM SEBELUM MEMBERIKAN SESUATU PROJEK KEPADA BUMIPUTERA, KATANYA.

+ KITA TIDAK BERNIAT MENJADIKAN PENIAGA DAN PENGUSAHA MELAYU MUFLIS SUPAYA MEREKA BERSANTUNG KEPADA KITA. KITA INGIN MENJADIKAN ORANG-ORANG MELAYU USAHAWAN DAN PENIAGA YANG CEKAP, BERDIKARI DAN MAHU BERSAING DENGAN SESIAPA SAHAJA DENGAN JAYANYA,+ TAMBAH BELIAU.

MENSENAI CITA-CITA MEMBANGUNKAN MALAYSIA SEHINGGA MENCAPAI KE TAHAP NEGARA INDUSTRI BARU ATAU NIC, BELIAU BERKATA NATLAMAT INI BUKAN MUSTAHIL DICAPAI KERANA BANYAK NEGARA MAJU DAHULUNYA NEGARA-NEGARA PERTAMIAN YANG MUNDUR. - LAGI.

1333HST 28 10 88

0696

U 8022 AAB  
MAHATHIR - EKONOMI 4 KUALA LUMPUR

MEREKA MENJADI MAJU HARI INI KERANA MEMASUKKI BIDANG PERINDUSTRIAN DENGAN BERSUNGGUH-SUNGGUH, KATANYA, SAMBIL MEMANJAH MALAUPUN BIDANG PERTAMIAN MERUPAKAN AKTIVITI EKONOMI YANG PENTING, IA TIDAK MUMKIN MEMUJUDKAN PELUANG-PELUANG PEKERJAAN BAGI PULUHAN RIBU LULUSAN SEKOLAH-SEKOLAH DAN INSTITUSI-INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI SETIAP TAHUN.

BELIAU BERKATA SEBENARNYA TIDAK ADA BARANGAN BUATAN YANG TIDAK BOLEH DIBUAT OLEH MALAYSIA TETAPI YANG AKAN MENENTUKAN JAYA ATAU TIDAKNYA BARANGAN BUATAN NEGARA IALAH KOS DAN MUTUNYA.

DALAM HAL INI PUN, PENGURUSAN YANG CEKAP, YANG TAHU MENGANAL KEMANGAN DAN KOS DAN YANG FAHAM AKAN CARA DAN KESUMAAN JENTERA SERTA TEKNOLOGI PENGELUARAN YANG TERBAIK JUGA AMAT PENTING.

KATANYA, BARANGAN ATAU PERHIDMATAN YANG BERMUTU TINGGI TIDAK SUKAR DIPASARKAN DENGAN HARGA YANG JUGA TINGGI DAN LEBIH MENGUNTUNSKAN. SEBALIKNYA HARGA YANG MURAH UNTUK YANG TIDAK BERMUTU TIDAK MENJAMIN PENJUALAN YANG LARIS DI PASARAN MODEN INI.

UNTUK MENCAPAI TARAF NEGARA MAJU, RAKYAT MALAYSIA MEMERLUKAN PENINGKATAN PENGETAHUAN DALAM SEMUA BIDANG SEHINGGA SETARAF ATAU LEBIH DARIPADA TARAF PENGETAHUAN PENDUDUK NEGARA MAJU, KATANYA. --  
BERNAMA

1333HST 28 10 88

0697